

SOALAN NO. 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]

TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil untuk mengeluarkan golongan 'Mak Nyah' di Lorong Haji Taib, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur daripada kancan kehidupan sedia ada kepada suatu suasana kehidupan yang lebih bermoral.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk membantu golongan 'Mak Nyah' di Lorong Haji Taib adalah melalui penyediaan perkhidmatan sokongan sosial bagi memupuk kesedaran dan membantu mereka untuk menjalani gaya hidup yang lebih sihat dan selamat.

Program dan bimbingan yang dilaksanakan adalah komprehensif iaitu meliputi aspek kerohanian, kaunseling, pemeriksaan dan rawatan kesihatan, penyediaan latihan kemahiran serta bantuan untuk mendapatkan pekerjaan serta rujukan kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk pendaftaran dan penempatan di institusi yang bersesuaian sekiranya diperlukan.

Penyediaan perkhidmatan sokongan sosial ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk pelbagai Kementerian dan

agensi serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Majlis AIDS Malaysia (MAM).

Pada tahun 2013, seramai 30 orang klien KPWKM termasuk Mak Nyah di kawasan Chow Kit telah menerima bantuan 1AZAM bagi membantu mereka menceburi bidang keusahawanan.